



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Jaminan Pinjaman 1971

DR.123/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi membuat peruntukan supaya peruntukan² tertentu dalam Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia), 1968 di-pakai bagi sa-suatu jaminan Persekutuan terhadap pinjaman yang di-beri oleh Bank Pembangunan Asia kepada Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad dan bagi perkara² yang bersangkutan dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Jaminan Pinjaman, 1971.

Tajok ringkas.

2. (1) Peruntukan² yang berikut dalam Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia), 1968, ia-itu—

Peruntukan 32/68 yang di-pakai bagi pinjaman.

(a) sekshen 7 (yang memberikuasa kepada Kerajaan untok memberi jaminan dan sanggupan berkenaan dengan wang yang di-pinjam oleh pehak-berkuasa berkanun dari Bank Pembangunan Asia); dan

(b) sa-takat mana yang berhubung dengan jaminan² dan sanggupan² oleh Kerajaan, sekshen 11 dan sekshen 12 (yang mengandongi peruntukan² tambahan bagi pelaksanaan, antara lain, mana² jaminan atau sanggupan tersebut) kechuali perkataan "1950" dalam sekshen-kechil (5) dalam sekshen 12 yang mana hendak-lah di-ganti dengan perkataan "1960";

hendak-lah di-pakai berhubung dengan sa-suatu peminjaman dari Bank itu oleh sharikat yang bernama Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad sa-olah² sharikat itu ada-lah suatu pehak-berkuasa berkanun dalam erti Akta itu, dan peminjaman itu ada-lah di-buat di-bawah sekshen 5 (1) Akta itu.

(2) Jika apa² wang di-bayar dari Kumpulan wang Disatukan berkenaan dengan apa² tanggungan yang dilakukan oleh Kerajaan menurut sekshen-kechil (1), maka Menteri hendak-lah, dengan sa-berapa segera yang boleh, sa-lepas berakhir tiap² satu tahun kewangan bermula dengan tahun kewangan dalam mana wang itu telah di-bayar dan berakhir dengan tahun kewangan dalam mana segala tanggungan berkenaan dengan-nya dan apa² bunga yang kena di-bayar di-atas-nya di-selesaikan dengan muk-tamad oleh sharikat itu, membentangkan dalam Dewan Ra'ayat suatu penyata berhubung dengan-nya.

(3) Sekshen-kechil (2) (a) dan (b) dalam sekshen 12 tersebut (yang memperuntokkan pengechualian² dari chukai dan kawalan pertukaran) hendak-lah juga di-pakai ber-hubong dengan sa-suatu perjanjian yang di-buat, sama ada sa-belum atau sa-lepas Akta ini di-luluskan, dengan Bank itu oleh sharikat itu, dengan kelulusan Kerajaan, berkenaan dengan sa-suatu peminjaman oleh sharikat itu dari Bank itu, dan bagi sa-suatu bon, surat janjihutang atau suratchara yang di-keluarkan oleh sharikat itu menurut mana² perjanjian itu, sa-bagaimana ia-nya di-pakai bagi perjanjian² dan suratchara² yang di-sebutkan dalam-nya itu.

Pengesahan
perjanjian
jaminan.

3. Perjanjian jaminan yang dahulu daripada ini di-buat antara Kerajaan atas nama Persekutuan dengan Bank itu ada-lah dengan ini di-sahkan dalam segala perkara dan hendak-lah berkuatkuasa bagi segala maksud sa-olah² peruntokan Akta ini telah berkuatkuasa pada tarikh itu dan perjanjian itu telah di-buat dan di-sempurnakan dengan sa-patut-nya pada menjalankan kuasa² yang di-beri oleh atau di-bawah Akta ini.

Pemakaian
sekshen²
bagi shari-
kat² lain.

4. Jika suatu ketetapan di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat bahawa peruntokan sekshen 2 Akta ini hendak-lah di-pakai bagi sa-suatu sharikat, sa-bagaimana ia-nya di-pakai bagi Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad, maka boleh-lah Menteri, melalui Perintah yang di-siarkan dalam *Warta*, mengishtiharkan bahawa per-untokan² yang tersebut dalam Akta itu hendak-lah di-pakai bagi sharikat itu.

HURAIAN

Maksud Rang Undang² ini ia-lah untuk memberikuasa supaya jaminan di-beri oleh Kerajaan kepada Bank Pembangunan Asia berkenaan dengan sa-suatu pinjaman yang di-beri oleh Bank itu kepada Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad. *Fasal 2* membenarkan peruntukan² tertentu dalam Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia), 1968 di-pakai bagi jaminan itu. *Fasal 3* mengesahkan Perjanjian Jaminan antara Kerajaan dengan Bank itu.

Rang Undang² ini sa-lanjut-nya mengadakan peruntukan bagi membolehkan Menteri membuat Perintah supaya Akta itu di-pakai bagi sa-suatu sharikat yang di-luluskan dengan sa-patut-nya bagi maksud itu menurut suatu ketetapan Dewan Ra'ayat (*Fasal 4*). [PN. (U²) 263.]



Semua Ahli Dewan Ra'ayat.

Rang Undang2 Jaminan Pinjaman
(Loan Guarantee Bill D.R.123/71)

Ada-lah saya nyatakan bahawa Y.B. Tan Sri Khaw Kai-Boh telah mengemukakan chadangan-nya hendak meminda Rang Undang2 Jaminan Pinjaman (Loan Guarantee Bill) saperti berikut :-

- (1) Sekshen 2(2) baris 5 dan 6 - potong perkataan2 "sa-lepas berakhir tiap2 satu tahun kewangan bermula dengan tahun kewangan dalam mana" dan gantikan dengan perkataan2 "bermula daripada persidangan Dewan Ra'ayat sa-baik-baik sahaja sa-lepas".
- (2) Sekshen 2(2) baris 11 - masukkan di-antara perkataan "Ra'ayat" dengan perkataan "suatu" perkataan yang berikut "pada tiap2 persidangan-nya".

The proposed amendments are as follows :-

- (1) Section 2(2) lines 4 and 5 - delete the words "after the end of each financial year beginning with that in which the" and substitute therefor the words "beginning with the sitting of the House of Representatives immediately after any such".
- (2) Section 2(2) line 8 - insert between the word "representatives" and the words "a statement" the following "at each of its sittings".

(Explanatory note - It is important that the House should be informed as soon as possible once any such liability arises which in this case will run into multi-million dimensions, without having to wait for the run of a full year before the Members of the House hear of it in the second year so that remedial action can be taken to prevent even further liabilities from being incurred not only under the same agreement but also under any agreement between any statutory authority and the Asian Development Bank.

s.k. Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

" Y.B. Peguam Negara.

AbA/am

(Ahmad bin Abdullah)
 SETIAUSAHA,
 PARLIMEN MALAYSIA.